



## PARLIMEN MALAYSIA

### KENYATAAN MEDIA

#### PEJABAT YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

### KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS H.E ANITA ANNET AMONG, SPEAKER PARLIMEN UGANDA SEMASA MENGHADIRI PERSIDANGAN “27<sup>th</sup> CONFERENCE OF SPEAKERS AND PRESIDINGS OFFICERS OF COMMONWEALTH” DI KAMPALA, UGANDA

---

3 Januari 2024, Kampala, Uganda – YB Senator Tan Sri Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Yang di-Pertua Dewan Negara telah mengadakan kunjungan hormat ke atas H.E Anita Annet Among, Speaker Parlimen Uganda pada hari ini jam 4.00pm (Malaysia time). Kunjungan hormat ini turut disertai oleh Tuan Muhd Sujairi Abdullah, Setiausaha Dewan Negara. Kunjungan hormat ini telah diadakan pada hari pertama beliau menghadiri Persidangan “27<sup>th</sup> Conference of Speakers and Presiding Officers of Commonwealth” di mana Uganda adalah tuan rumah pada kali ini.

2. Pada kunjungan hormat tersebut, kedua-dua pihak membincangkan beberapa perkara yang menjadi perhatian dan kebimbangan bersama seperti isu perubahan iklim, gender, penglibatan wanita dalam politik, jurang pembangunan dan keterangkuman (inclusivity). Beliau turut berkongsi pengalaman beliau dalam menangani isu perubahan iklim di peringkat negara sewaktu beliau berkhidmat sebagai Menteri Tenaga dan Sumber Asli. Selain itu, kedua-dua pihak turut berbincang tentang kerjasama yang boleh dijalankan di antara Parlimen Malaysia dan Uganda untuk menjadi pengantara dalam meneroka potensi perdagangan, perniagaan dan inovasi bagi kedua-dua negara. Diharapkan juga persidangan ini akan memanfaatkan semua ahli-ahli negara peserta persidangan. YB Senator Tan Sri turut berkongsi sejarah Malaysia serta struktur, komposisi dan evolusi Parlimen Malaysia.

3. Ini adalah kali pertama YB YB Senator Tan Sri Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar membuat kunjungan hormat ke atas Speaker Parlimen Uganda sejak lantikan beliau sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Hubungan diplomatik ini diharap akan terus memupuk kerjasama antarabangsa antara Malaysia dan Uganda serta mengetengahkan kepentingan Komanwel sebagai platform untuk memupuk pemahaman dan kerjasama di kalangan negara-negara ahli.

#### PEJABAT YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

3 Januari 2024

- TAMAT -

#### Pertanyaan Media:

**Norhayati Abd Manaf**, Setiausaha Akhbar

Tel: +6012 – 393 5075 / Email: [norhayati@parlimen.gov.my](mailto:norhayati@parlimen.gov.my)

Ref No: PAR/YPDN/AM.23 (19)